

**PERBANDINGAN AGIHAN ZAKAT SEBAGAI ALAT KEWANGAN
SOSIAL ISLAM BAGI MEMBANTU GOLONGAN AL-GHARIMIN
OLEH LZS DAN BAITULMAL MAIWP**

***(COMPARISON OF ZAKAT DISTRIBUTION AS ISLAMIC SOCIAL
FINANCE TOOL TO HELP AL-GHARIMIN GROUP BY LZS AND
BAITULMAL MAIWP)***

Mohd Faisol Ibrahim
Fakulti Ekonomi dan Muamalat
Universiti Sains Islam Malaysia
71800 Nilai, Negeri Sembilan Darul Khusus
E-mail: faisol@usim.edu.my

ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk menganalisis agihan zakat untuk golongan yang berhutang iaitu asnaf *al-Gharimin*. Kajian ini membuat penilaian perbandingan terhadap agihan zakat untuk golongan *al-Gharimin* yang telah dilaksanakan oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan Baitulmal-Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). Kajian mendapati bahawa wujud beberapa perbezaan berkaitan skim agihan zakat yang ditawarkan oleh LZS dan Baitulmal-MAIWP. Selain itu, kajian ini juga akan mengkaji perbandingan jumlah agihan zakat oleh LZS dan Baitulmal-MAIWP untuk golongan *al-Gharimin* serta menganalisis kesan hubungan yang wujud antara kaedah skim agihan zakat yang ditawarkan oleh LZS dan Baitulmal-MAIWP dengan jumlah agihan zakat yang diperolehi oleh asnaf *al-Gharimin*. Kajian yang dilakukan ini menggunakan pendekatan kualitatif yang berasaskan kajian perpustakaan. Keseragaman kaedah agihan zakat kepada golongan asnaf *al-Gharimin* perlu dilaksanakan agar lebih ramai golongan asnaf *al-Gharimin* yang masih belum dikenalpasti dapat dibantu khususnya golongan yang berhutang kerana ingin mendapatkan keperluan asas (*dharuriyyat*) seperti makanan, pakaian dan kediaman.

Kata Kunci: Zakat, Agihan Zakat, Al-Gharimin, Lembaga Zakat Selangor, Baitulmal-MAIWP

ABSTRACT

The purpose of this study is to analyze the zakat distribution for the indebtedness group namely asnaf al-Gharimin and conducted by the Lembaga Zakat Selangor (LZS) and Baitulmal Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (Baitulmal-MAIWP). This study provides a comparative analysis of the zakat distribution for al-Gharimin groups conducted by LZS and Baitulmal-MAIWP. Studies have found that there are some differences regarding the zakat distribution scheme offered by LZS and Baitulmal-MAIWP. In addition, this study will study the comparison of the amount of zakat distribution by LZS and Baitulmal-MAIWP for the al-Gharimin group and analyze the effect of the relationship between the method of zakat distribution scheme offered by LZS and Baitulmal-MAIWP with the amount of zakat distribution obtained by asnaf al-Gharimin. The study was conducted using a qualitative approach based only on library research. The uniformity of the methods provided for the distribution of zakat to al-Gharimin

asnaf should be implemented so that more asnaf al-Gharimin as yet unknown can be helped especially those who are indebted to basic necessities such as food, clothing and housing.

Key Word: *Zakat, Zakat Distribution, Al-Gharimin, Lembaga Zakat Selangor, Baitulmal-MAIWP*

PENGENALAN

Di dalam ekonomi Islam zakat merupakan instrumen kewangan sosial Islam yang sangat penting bagi membantu golongan-golongan yang telah disenaraikan di dalam al-Quran. Salah satu golongan yang disebutkan iaitu *al-Gharimin*. *Al-Gharimin* merupakan golongan yang berhutang untuk memenuhi keperluan asas bagi kemaslahatan diri, keluarga tanggungannya atau masyarakat yang memerlukan penyelesaian segera dan dibenarkan oleh hukum syarak. Menurut Mohd Faisol (2015), golongan yang menerima bantuan zakat akan sentiasa menjalinkan hubungan baik dengan pembayar zakat kerana ikatan persaudaraan yang terjalin melalui zakat ini tidak mungkin terputus ditelan arus zaman. Oleh itu permasalahan hutang *al-Gharimin* ini perlu diselesaikan melalui peranan institusi zakat sebagai sebuah institusi keagamaan yang bertanggungjawab mengutip, menyelia, mengurus dan mengagihkan wang zakat mengikut syariat yang ditetapkan dalam Islam.

Golongan berhutang atau *al-gharimin* merupakan salah satu asnaf yang layak menerima zakat. Ini berdasarkan firman Allah SWT dalam surah al-Taubah [9] ayat 60 bermaksud,

“Sesungguhnya zakat itu hanyalah untuk orang-orang fakir dan orang-orang miskin, pengurus-pengurus zakat, para muallaf yang dipujuk hatinya, untuk (memerdekakan budak), orang-orang yang berhutang, untuk jalan Allah dan orang-orang yang sedang dalam perjalanan, sebagai sesuatu ketetapan yang diwajibkan Allah, dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.”

Gharimun adalah kata jamak dari *gharim* iaitu orang yang mempunyai hutang. Mereka yang memiliki hutang iaitu hutang untuk diri sendiri atau tujuan lain dengan syarat hutang tersebut digunakan untuk perkara yang baik-baik sahaja. Namun, sekiranya hutang tersebut digunakan untuk kepentingan dirinya sendiri, maka dia dianggap sebagai fakir dan dia tidak berhak untuk mendapatkan sebahagian zakat daripada peruntukan *gharim*. Hutang yang diterima mestilah adalah hutang untuk membeli keperluan isi rumah, perbelanjaan perubatan, perkahwinan atau pun perbelanjaan penggunaan dengan syarat seperti berikut:

- a) Benar-benar memerlukan bantuan tersebut untuk melangsaikan hutangnya dan tidak mempunyai sumber lain untuk berbuat demikian.
- b) Tujuan hutangnya adalah untuk perkara yang baik dan diharuskan oleh syarak.
- c) Hutang tersebut hendaklah telah sampai tempoh matang yang perlu dibayar dengan kadar segera.
- d) Orang yang berhutang tersebut ialah orang Islam.

Bagi pendapat mazhab Hanafi, seorang yang berhutang ialah orang yang benar-benar memiliki hutang dan tidak memiliki apa-apa selain daripada hutang tersebut. Manakala, mazhab Maliki pula berpendapat orang yang berhutang ialah orang yang dikelilingi hutang sehingga dia tidak mampu untuk melangsaikan hutang tersebut. Tujuan berhutang pula

mestilah perkara yang harus atau bertujuan melaksanakan ketaatan kepada Allah. Hutang untuk tujuan maksiat tidak tergolong dalam *al-Gharimin*. (Al-Qaradawi, 2002).

Selain itu, seseorang tidak berniat untuk mendapat zakat dengan cara berhutang. Contohnya, orang kaya yang berbelanja secara boros lalu berhutang dengan niat untuk mendapatkan bahagian zakat. Golongan seperti ini tidak layak menerima bahagian zakat kerana mempunyai niat yang tidak baik. Berbeza dengan orang fakir yang berhutang demi memenuhi keperluan asasnya dan bukan berhutang semata-mata untuk memperoleh bahagian zakat.

Menurut Al-Qaradawi (2002) golongan ini terdiri daripada orang yang mempunyai hutang untuk kemaslahatan dirinya sendiri seperti nafkah, membeli pakaian, melaksanakan perkahwinan, mengubati orang sakit, mendirikan rumah, membeli perabot rumah tangga, mengahwinkan anak atau menggantikan barang lain yang rosak atas sebab kesalahan, lupa atau seperti itu.

Maksud al-Gharimin Dari Sudut Insitusi Zakat Di Malaysia

Maksud al-Gharimin Dari Sudut Lembaga Zakat Selangor

Gharimin ialah orang Islam yang berhutang untuk memenuhi keperluan asas diri dan tanggungannya atau kepentingan masyarakat dan tiada keupayaan untuk membayarnya. *Al-Gharimin* juga ditakrifkan sebagai orang Islam yang berhutang untuk memenuhi keperluan asasi bagi permasalahan diri atau keluarga tanggungannya atau orang yang berhutang untuk menyelesaikan masalah masyarakat dan memerlukan bantuan kerana orang yang berhutang itu tidak mampu menjelaskan hutangnya dan hutang yang dilakukannya adalah dalam perkara taat yang diharuskan syarak serta pembayaran balik hutang tersebut telah sampai tempoh untuk dijelaskannya.

Melalui Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, fatwa di bawah seksyen 47 mentakrifkan *al-Gharimin* mengikut ulama' Mazhab Syafi'i dan Hanbali ialah orang yang berhutang sama ada hutang untuk dirinya sendiri atau hutang untuk orang lain dan sama ada hutang ini bertujuan untuk melakukan sesuatu kebaikan (taat kepada Allah).

Maksud al-Gharimin Dari Sudut Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP)

Gharimin ialah asnaf yang mempunyai tanggungan hutang bagi memenuhi keperluan asasi seperti makanan, kesihatan dan perlindungan. Perkataan *gharimin* adalah kata majmuk bagi *gharim* yang mana bermaksud orang yang berhutang. Manakala *al-gharim* pula adalah pemiutang. Asal bagi perkataan *al-Gharm* dari segi bahasa adalah *al-Luzum* iaitu sesuatu yang melazimkannya. Ini sepertimana firman Allah SWT:

Maksudnya: *Dan orang-orang yang berkata: "Ya Tuhan kami, jauhkan azab jahannam dari kami, sesungguhnya azabnya itu adalah kebinasaan yang kekal".*

(Al-Furqan: 65)

Begitulah azab neraka yang mana pasti melazimkan kebinasaan yang kekal. Dengan itu juga dinamakan dengan *al-Gharim* bagi mereka yang berhutang kerana hutang itu menjadi kelaziman keatasnya manakala *al-Gharim* (pemiutang) pula akan selalu melazimi *al-Madin* (penghutang) untuk menuntut hutangnya.

Peranan Institut LZS dan Baitulmal-MAIWP Bagi Membantu Asnaf *Al-Gharimin*

Jadual 1: Pengagihan Zakat Asnaf *Al-Gharimin* di Malaysia pada tahun 2017

Negeri-Negeri	Jumlah Kutipan (Rm)	Jumlah Agihan (Rm)	Jumlah Agihan Asnaf <i>Gharimin</i>	Peratusan Agihan (%)	Bilangan <i>Al-gharimin</i>
Wilayah	621,414,431.00	581,534,222	5,939,285.00	1.02	2,131
Selangor	757,112,778.00	616,526,812	47,817 520.00	7.8%	NA
Kedah	166,966,730.00	151,727,266.44	57,082.78	0.038	24
Pulau Pinang	101,454,432.72	99,372,720.61	2,060,313.33	2.073	234
Pahang	133,655,623.03	126,579,645.03	NA	-	NA
Negeri Sembilan	124,495,635.45	120,021,457.95	1,811,298.80	1.509	NA
Johor	282,251,127.46	182,251,127.46	1,168,190.51	0.641	NA
Sabah	88,318,640.61	62,747,937.69	1,536,838.95	2.249	608
Kelantan	179,303,841.00	185,027,240.00	41,404.00	0.0002	56
Melaka	85,603,863.97	NA	NA	-	NA
Perak	170,804,873.16	150,891,701.00	NA NANA	-	NA
Terengganu	137,949,523.03	183,760,534.93	1,870,151.61	1.018	277
Sarawak	92,492,168.00	50,730,582.00	14,615.00	0.029	8

Sumber: Laporan Tahunan PPZ (2017) dan LZS (2017).

NA- Data tidak diperolehi

Peratusan agihan tidak dapat dikira

Jadual 1 di atas menunjukkan agihan zakat kepada asnaf *al-Gharimin* bagi tahun 2017 oleh institusi-institusi zakat di Malaysia. Pecahan agihan zakat kepada asnaf *al-Gharimin* oleh institusi zakat di Malaysia adalah antara 0.029 peratus hingga 8 peratus daripada jumlah keseluruhan agihan zakat bagi setiap negeri.

Lembaga Zakat Selangor (LZS) mencatat agihan zakat terbesar kepada asnaf *al-Gharimin* iaitu perberbezaan sebanyak 6.78% berbanding Baitulmal MAIWP. LZS telah mengagihkan zakat kepada asnaf *al-Gharimin* iaitu sebanyak RM47.8 juta daripada RM616.5 juta jumlah agihan berbanding Majlis Agama Islam Wilayah melalui Baitulmal yang memperuntukkan agihan dengan jumlah RM5.9 juta daripada RM581.5 juta jumlah keseluruhan agihan zakat.

Namun negeri Wilayah Persekutuan merupakan negeri yang paling ramai bilangan asnaf *al-Gharimin* yang mendapat bantuan zakat daripada pihak Baitulmal iaitu seramai 2131 orang walaupun peratusan agihan zakat hanyalah 1.02 peratus daripada jumlah agihan zakat di Wilayah Persekutuan. Negeri Sarawak merupakan negeri yang paling sedikit bilangan asnaf *al-Gharimin* yang menerima bantuan zakat iaitu lapan orang sahaja yang mewakili 0.02 peratus daripada jumlah agihan zakat di Sarawak. Ini diikuti pula oleh negeri Kedah yang memperuntukkan agihan zakat kepada 24 orang asnaf *al-Gharimin* yang mewakili 0.038 peratus daripada jumlah keseluruhan agihan zakat di Kedah.

SOROTAN KAJIAN

Menurut Mohd Noor dan Halim (2017), agihan zakat terhadap asnaf *al-Gharimin* perlu dilaksanakan pada masa kini bagi menyelesaikan isu-isu semasa berkaitan asnaf ini.

Kajian yang dilakukan oleh Raziah dan Syarifah (2014) pula menyatakan orang yang berhutang atau *al-Gharimin* sememangnya merupakan salah satu asnaf zakat tetapi tidak semua orang yang berhutang berhak menerima zakat bagi membayar hutang-hutangnya kerana tujuan utama individu muflis berhutang dilihat paling penting dalam menentukan kelayakan mereka menerima zakat bagi melunaskan hutang mereka. Tujuan berhutang yang tidak syarie, seperti

berbelanja secara boros dan bermewah-mewah menurut hawa nafsu dilihat tidak selari dengan definisi *al-Gharimin* (Raziah & Syarifah, 2014).

Menurut Hasanah et al. (2015) menegaskan bahawa mangsa banjir besar di Kelantan yang menanggung hutang setelah kehilangan rumah dan harta benda dikategorikan sebagai *al-Gharimin*. Manakala kajian lain oleh Hairunnizam et al. (2010) menjelaskan bahawa definisi asnaf *al-Riqab*, *al-Gharimin* dan *Ibnu Sabil* perlu diperluaskan bagi menyelesaikan permasalahan berkaitan mengikut konteks semasa dan setempat.

Di samping itu kajian yang dilakukan oleh Nur Aliah et al. (2017) mendapati pengagihan zakat perubatan *al-Gharimin* oleh LZS di daerah Gombak adalah sangat berkesan dan mendapat respon yang baik oleh penerima zakat dan juga tahap kepuasan asnaf yang menerima zakat perubatan terhadap pengagihan zakat perubatan oleh LZS adalah sangat baik. Ini membuktikan zakat telah diagihkan dengan cara berkesan dan menyebabkan masyarakat juga tidak lagi mempersoalkan mengenai pengagihan zakat.

Selain itu menurut Mohd Parid (2001) pula menegaskan pengagihan zakat melibatkan pelbagai kaedah dan kesemua kaedah tersebut mestilah mencapai tahap piawaian yang telah ditetapkan agar golongan yang menerimanya akan memperoleh kualiti hidup yang lebih baik. *Al-Gharimin* merupakan salah satu golongan asnaf yang layak menerima bantuan zakat. Pandangan ini disokong dengan kajian yang dilakukan oleh Ahmad Fahmee dan Mohd Faisal (2018) menyarankan agar kaedah-kaedah agihan zakat perlu diperkuatkan khususnya untuk meningkatkan ekonomi masyarakat Islam di Malaysia dan mengurangkan kadar kemiskinan di Malaysia.

Penulis berpandangan bahawa kajian-kajian yang dilakukan sebelum ini hanya berkisar kepada isu kelayakan golongan *al-Gharimin* menerima bantuan zakat sahaja tanpa membincangkan jenis agihan zakat kepada golongan *al-Gharimin*. Oleh itu melalui kajian ini penulis cuba menganalisis perbandingan agihan zakat kepada golongan asnaf *Al-Gharimin* oleh dua institusi zakat termaju dan moden di Malaysia iaitu LZS dan Baitulmal MAIWP. Ini penting bagi melihat peranan dan komitmen oleh sebuah institusi zakat tersohor di Malaysia iaitu LZS dan pusat agihan zakat terawal di Malaysia iaitu Baitulmal-MAIWP bagi membendung dan membantu golongan *al-Gharimin* yang berhutang kerana agama Islam.

METODOLOGI KAJIAN

Kaedah pelaksanaan kajian ini adalah menggunakan kaedah kualitatif. Kaedah penyelidikan ini memerlukan pengumpulan data yang berkaitan daripada dokumen tertentu dan menyusun data untuk menganalisis bahan serta memberi kefahaman yang lebih mendalam berkaitan dengan peranan zakat bagi membantu melangsaikan hutang golongan *al-gharimin* di Malaysia. Data ini telah dikumpulkan dan direkodkan oleh pihak lain sebelum wujudnya keperluan untuk melakukan. Dalam kajian ini, data mengenai jumlah kutipan zakat diperoleh melalui Laporan Zakat Tahunan (2017) daripada Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) dan juga daripada laman web rasmi Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) serta Lembaga Zakat Selangor.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Skim Agihan Bantuan Zakat Untuk Asnaf *Al-Gharimin*

Jadual 2. Perbandingan Skim Agihan Bantuan Zakat

Bil	LZS	Baitulmal-MAIWP
1.	Hutang Rawatan Dialisis	Bantuan Kewangan Bulamam
2.	Hutang Perubatan	Bantuan Dermasiswa
3.	Hutang Kerana Keperluan Hidup	Bantuan Perniagaan
4.	Hutang Badan/Organisasi	Bantuan Deposit Sewa Beli Teksi
5.	Pengurusan Jenazah Tanpa Waris	Bantuan Membina/Membaiki Rumah dan Deposit Membeli Rumah Kos Rendah
6.		Bantuan Tambang Dalam/Luar Negeri
7.		Bantuan Segera
8.		Bantuan AL-Riqab
9.		Bantuan Am Pelajaran IPT
10.		Bantuan Pelajar Institut Profesional Baitulmal
11.		Bantuan Gensi-Agensi Kebajikan & Institut Pendidikan
12.		Bantuan Ramadan
13.		Bantuan Perubatan
14.		Bantuan Perkahwinan
15.		Bantuan Depsoit Sewa Rumah dan Sewa Rumah Bulanan
16.		Bantuan Menyelesaikan Hutang
17.		Bantuan Musibah
18.		Bantuan Baitulmal/insentif Khas Pelajar Cemerlang
19.		Bantuan Peralatan dan Kecemasan Persekolahan
20.		Bantuan Tuisyen
21.		Bantuan Galakan Hafaz al-Quran
22.		Bantuan Pertanian
23.		Bantuan Deposit Van/Bas Sekolah
24.		Bantuan Deposit Membeli Motosikal Roda Tiga Untuk OKU
25.		Bantuan Pelajaran Kolej Kejururawatan PUSRAWI
26.		Bantuan Guaman Syarie
27.		Bantuan Persediaan IPT
28.		Bantuan Takaful Asnaf

Sumber: Laman Sesawang LZS (2019), Azman & Hasanah (2015).

Jadual 2 di atas menjelaskan tentang skim-skim agihan zakat untuk golongan *al-Gharimin* di negeri Selangor dan di Wilayah Persekutuan. Di negeri Selangor, skim agihan zakat yang ditawarkan oleh Lembaga Zakat Selangor untuk golongan *al-Gharimin* hanya lima skim sahaja berbanding dengan skim agihan untuk golongan *al-Gharimin* di Wilayah Persekutuan di mana Baitulmal MAIWP menawarkan 28 jenis skim untuk mereka. Ini menunjukkan bahawa PPZ-MAIWP menawarkan lima kali ganda skim bantuan untuk golongan *al-Gharimin*. Ini juga membuktikan bahawa bilangan skim agihan yang ditawarkan oleh PPZ-MAIWP lebih banyak berbanding LZS. Walaupun begitu skim agihan zakat yang ditawarkan oleh LZS lebih fokus dan spesifik kerana LZS menggunakan terma ‘hutang’ bagi setiap skim yang ditawarkan berbanding PPZ-MAIWP dan ini amat menepati takrifan *al-Gharimin* itu sendiri. Skim agihan zakat yang ditawarkan oleh PPZ-MAIWP untuk golongan *al-Gharimin* pula terlalu umum kerana menggunakan terma ‘bantuan’. Ini dapat dilihat di Jadual 1 di atas di mana terdapat 27 skim agihan menggunakan terma “bantuan” sedangkan terma ‘hutang’ hanya ada satu skim sahaja. Ini boleh menyebabkan berlaku sedikit kekeliruan tentang agihan zakat antara golongan *al-Gharimin* dan asnaf yang lain yang turut menggunakan terma ‘bantuan’ dalam skim agihan zakat mereka.

Jadual 3. Perbandingan Agihan Zakat Untuk Tahun 2015 Hingga Tahun 2017

Bil	Tahun	LZS	+ / -	Baitulmal-MAIWP	+ / -
1.	2018	RM68,640,358.00	+RM20,862,838	NA	NA
1.	2017	RM47,817,520.00	-RM68,082,327	RM5,939,285.00	+RM3,913,622
2.	2016	RM72,864,047.00	+RM13,332,489	RM2,025,663.16	NA
3.	2015	RM59,531,558.00	NA	NA	NA

Sumber: Lembaga Zakat Selangor (2017), Laporan Tahunan PPZ-MAIWP (2017)

Jadual 3 di atas menunjukkan jumlah agihan zakat untuk golongan asnaf *al-Gharimin* bagi negeri Selangor dan negeri Wilayah Persekutuan. Pada tahun 2015, sebanyak RM59.5 juta wang zakat diperuntukkan oleh LZS untuk membantu asnaf *al-Gharimin* di Selangor. Jumlah ini meningkat sebanyak 22.4% iaitu RM13,332,489 kepada RM72.8 bagi tahun 2016. Namun pada tahun 2017, peruntukkan ini mengalami penurunan sebanyak 34% iaitu menurun kepada RM47.8 sahaja. Namun pada tahun 2018 jumlah agihan zakat kepada golongan asnaf *al-Gharimin* mengalami meningkat semula kepada RM68.6 juta.

Peruntukkan agihan zakat untuk golongan asnaf *al-Gharimin* oleh Baitulmal MAIWP pula telah mengalami peningkatan dari tahun 2016 hingga tahun 2017 iaitu peningkatan sebanyak 193.2% daripada RM2,025,663.16. Ini jelas menunjukkan bahawa agihan zakat untuk golongan *al-Gharimin* oleh Baitulmal MAIWP mengalami aliran menaik berbanding LZS yang mengalami aliran menurun.

Walaupun begitu, jika dilihat kepada jumlah agihan zakat untuk asnaf *al-Gharimin* bagi tahun 2016 dan 2017, terdapat perbezaan yang amat ketara antara kedua-dua institusi zakat terkemuka ini. Bagi tahun 2016 perbezaan agihan zakat untuk asnaf *al-Gharimin* oleh LZS melebihi RM70.8 juta daripada agihan zakat oleh Baitulmal MAIWP iaitu 3497%.¹ Pada tahun 2017 pula perbezaan agihan zakat untuk asnaf *al-Gharimin* oleh LZS melebihi RM41.9 juta daripada agihan zakat oleh Baitulmal MAIWP. Ini jelas membuktikan bahawa walaupun agihan zakat untuk asnaf *al-Gharimin* oleh LZS mengalami aliran menurun tetapi jumlah peruntukkan agihan tersebut masih LZS telah memperuntukkan sebahagian agihan zakat yang besar untuk membantu mereka yang berhutang kerana agama.

Jadual 4. Syarat Permohonan Bantuan Zakat Untuk Asnaf *al-Gharimin*

Bil	LZS	PPZ-MAIWP
Keupayaan membayar hutang	Pemohon tidak mempunyai harta atau sumber kewangan wang melebihi keperluan asasinya.	Orang yang berhutang itu tidak mampu menjelaskan hutangnya. Sekiranya dia berkemampuan untuk melangsaikan hutangnya, maka tidak diberikan zakat kepadanya. Sekiranya dia memiliki harta yang hanya dapat menampung sebahagian daripada hutangnya, maka dia layak menerima bantuan zakat untuk menyelesaikan hutang yang berbaki. Jika individu tersebut mampu membayar hutang setelah dia bekerja dan mampu bekerja, maka dia tetap layak menerima zakat untuk melangsaikan hutangnya kerana dia perlu menyelesaikannya dalam tempoh masa yang mendesak. Ini kerana untuk dia bekerja bagi mendapatkan harta untuk membayar hutang memerlukan tempoh masa yang lebih lama sedangkan keperluan sedia ada buat diri dan juga keluarganya perlu juga diutamakan disamping hutang yang terbeban. Sifat kaya yang menjadi penghalang bagi kelayakan seseorang yang berhutang daripada menerima zakat adalah apabila dia memiliki wang untuk membayar hutang. Jika dia memiliki

¹ Kaedah pengiraan; $(RM72,864047 - 2,025663.16) / 2,025663.16 \times 100 = 3497\%$.

		tanah, rumah, pakaian, perabot atau pinggan mangkuk tetapi dia tidak mempunyai wang yang mencukupi untuk membayar hutang, dia masih layak menerima zakat. Ini disebabkan dia masih memerlukan asset tersebut untuk meneruskan kehidupan seharian.
hutang berhutang	Pinjaman yang dibuat di dalam perkara-perkara yang halal dan harus.	Perlulah apa yang dihutangkannya itu adalah dalam perkara yang taat atau perkara yang dibolehkan dan bukannya berhutang di dalam perkara maksiat seperti arak dan zina.
Implikasi tidak membayar hutang	Wujudnya kemudharatan terhadap diri dan keluarga jika hutang tidak dibayar	Perlulah hutang itu dalam keadaan semasa iaitu sedang berlaku atau telah sampai tempoh untuk dilunaskan. Sekiranya hutang itu ditangguhkan (boleh di bayar dalam masa yang lama) di sini terdapat tiga (3) pendapat mengenainya Diberikan juga zakat meskipun hutang itu ditangguhkan. Ini berdasarkan dalil umum yang mengatakan bahawa golongan ini juga pada hakikatnya adalah penghutang.
Syarat Bantuan zakat	<i>Al-Gharimin</i> yang berhutang untuk menyelesaikan permasalahan asasi seperti kesihatan, pelajaran diperingkat rendah dan menengah, makanan, tempat perlindungan sementara dan segala hutang untuk meninggikan martabat agama dibantu terus dari peruntukan asnaf Gharimin tanpa melihat kepada jumlah yang ditanggung.	Diberikan sekiranya tanggungan hutang itu masih berada pada tahun tersebut. Sekiranya tanggungan hutang itu memasuki tahun yang baru, maka tidak diberikan zakat kepada golongan ini
Tujuan berhutang	<i>Al-Gharimin</i> yang berhutang untuk menyelesaikan permasalahan selain dari syarat (5) yang disebutkan di atas dibantu dari peruntukan asnaf gharimin secara <i>Qardhul Hasan</i> dan wajib menjalani tempoh pemulihan	Mereka yang berhutang demi kemaslahatan orang yang lain iaitu: Mereka yang berhutang demi kemaslahatan yang lain adalah golongan yang dimuliakan kerana kesanggupannya untuk berhutang demi kemaslahatan yang lain. Ini sepertimana seseorang yang menjadi orang tengah dalam memperbaiki hubungan di antara dua kaum/kabilah yang bertelagah disebabkan harta ataupun darah (membayar <i>diyath</i> dsb.), maka dikeluarkan darinya harta sehinggalah dia terpaksa berhutang, maka golongan ini berhak juga mendapat zakat untuk menutup hutangnya. Begitu juga bagi mereka yang yang berhutang demi kemaslahatan orang ramai seperti mengasaskan rumah anak yatim, hospital awam, membina masjid dan juga amal-amal kebajikan yang lain sehingga manfaatnya mengalir kepada orang awam. Maka diberikan zakat berdasarkan apa yang dihutangkan olehnya untuk menutup hutang tersebut meskipun dia seorang yang kaya seperti pendapat sebahagian al-Syafi'eyyah.

Individu yang menjamin orang yang berhutang	-	Penjamin dan orang berhutang yang dijamin berada dalam keadaan tidak mampu melangsaikan hutang. Penjamin layak menerima zakat untuk menyelesaikan hutang tersebut. Jika penjamin tidak mampu untuk membayar hutang, manakala orang berhutang yang dijamin mampu, maka penjamin layak menerima zakat jika dia menjamin tanpa kebenaran orang yang berhutang. Jika penjamin mampu membayar hutang, manakala orang berhutang yang dijamin tidak mampu membayarnya, maka orang berhutang itu sahaja yang layak menerima zakat untuk membayar hutang tersebut.
---	---	---

Sumber: Lembaga Zakat Selangor (2017), Laporan Tahunan PPZ-MAIWP (2017).

Berdasarkan Jadual 4 di atas jelas menunjukkan bahawa terdapat perbezaan syarat-syarat tertentu di Selangor dan Wilayah Persekutuan bagi permohonan agihan zakat untuk golongan asnaf *al-Gharimin*. Di negeri Selangor terdapat enam syarat permohonan bagi asnaf *al-Gharimin* layak memohon bantuan agihan zakat. Syarat bagi permohonan agihan zakat bagi golongan *al-Gharimin* di negeri Wilayah Persekutuan pula mempunyai tujuh syarat-syaratnya. Ini menjelaskan bahawa terdapat perbezaan bilangan syarat-syarat permohonan agihan zakat bagi golongan asnaf *al-Gharimin* di Selangor dan Wilayah Persekutuan.

Walaupun terdapat perbezaan bilangan syarat-syarat permohonan agihan zakat untuk asnaf *al-Gharimin* di Selangor dan Wilayah Persekutuan tetapi terdapat persamaan pada maksud dan objektif syarat-syarat agihan zakat yang ditetapkan oleh pihak LZS dan Baitulmal MAIWP. Antara persamaan syarat permohonan zakat untuk golongan *al-Gharimin* iaitu LZS dan Baitulmal MAIWP telah menetapkan syarat berkaitan pemilikan harta, status harta yang dimiliki dan status hutang tidak berbayar oleh setiap pemohon mestilah memenuhi kriteria dan syarat memohon.

Ternyata jika dibandingkan syarat agihan zakat untuk golongan *al-Gharimin* yang dilakukan oleh Baitulmal MAIWP lebih bersifat mesra masyarakat yang mencakupi pelbagai aspek berbanding Lembaga Zakat Selangor. Ini mungkin disebabkan kebanyakan masyarakat yang tinggal di Wilayah Persekutuan khususnya Kuala Lumpur terdedah dengan kos sara hidup yang tinggi dan isu kemiskinan bandar yang semakin serius.

KESIMPULAN

Kesimpulannya dapat disimpulkan bahawa wujud perbezaan amalan pengagihan zakat kepada asnaf *al-Gharimin* di negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan. Baitulmal-MAIWP didapati lebih terperinci dalam konteks pengagihan zakat kepada *al-Gharimin* dengan mengenakan syarat tertentu kepada hutang tersebut. Hal ini menunjukkan bukan semua orang berhutang layak menerima agihan zakat di bawah asnaf *al-Gharimin*, tetapi sebaliknya mereka yang sebenarnya dibelenggu hutang untuk keperluan asasi dan terdesak sahaja layak menerima zakat. Selain itu, proses pemulihan daripada hutang juga diambil kira. Ini mengelakkan sebarang penyalahgunaan pengagihan hutang oleh penerima zakat yang mungkin sengaja mengambil kesempatan tanpa keperluan yang mendesak.

Selain itu, jumlah agihan zakat untuk golongan asnaf *al-Gharimin* oleh LZS lebih besar berbanding agihan zakat oleh Baitulmal-MAIWP. Ini kerana Selangor merupakan negeri yang paling maju di Malaysia dan mempunyai jumlah penduduk yang ramai berbanding Wilayah Persekutuan. Kajian ini juga jelas menunjukkan bantuan agihan zakat kepada golongan asnaf *al-Gharimin* sangat kecil dan sedikit. Kadar peratusan yang kecil antara 0.0002 peratus hingga 7.8 peratus telah memberi persepsi yang berbeza di antara MAIN khususnya di Selangor dan Wilayah Persekutuan. Secara umumnya dapatlah dijelaskan bahawa majoriti agihan zakat

kepada asnaf *al-Gharimin* di setiap negeri di Malaysia adalah kurang daripada 7.8 peratus. Penulis berpandangan peratusan ini memberi gambaran bahawa bantuan agihan zakat oleh institusi zakat di Malaysia terhadap asnaf *al-Gharimin* di Malaysia masih terlalu kecil jumlahnya dan perlu dilipatgandakan agar melalui usaha ini maka lebih ramai asnaf *al-Gharimin* dapat dibantu.

RUJUKAN

- Ahmad Fahme Mohd Ali & Mohd Faisol Ibrahim. 2018. Determination of poverty among the poor and needy in a developing country, *Journal of Emerging Economies and Islamic Research*. 6(2), 47-61.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam. 2013. Negeri Selangor.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Mohd Ali Mohd Nor. 2004. Kesan Bantuan Zakat Terhadap Kualiti Hidup Asnaf Fakir dan Miskin. Dalam *Kertas Kerja Prosiding Islamic Banking and Finance*. Kuala Lumpur: KUIM.
- Hasanah Abd. Khafidz, Siti Fariza Muhammad Fisal, & Irwan Mohd Subri. 2015. Penggunaan Kaedah Fiqh Al-Darurah Tuqaddar Biqadariha Dalam Agihan Zakat Untuk Mangsa Banjir. *eProsiding Seminar Fiqh Semasa (SeFis)* 1-6. <http://usulifaqihrc.com/eprosiding/wpcontent/uploads/2015/06/HasanahAbdKhafidz.pdf>
- Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji. 2016. Statistik Agihan Zakat Mengikut Negeri. http://intranet.jawhar.gov.my/spmj/public/zkt_agihan_stat.php, dicapai pada 1 Mei 2018.
- Lembaga Zakat Selangor. 2017. Laporan Pengurusan Zakat Selangor. Shah Alam: Lembaga Zakat Selangor.
- Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. 2017. Laporan Ringkas Aktiviti-aktiviti Agihan Zakat oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Kuala Lumpur: MAIWP.
- Mohd Faisol Ibrahim. 2015. Eksklusif Zakat Pendapatan dan Kaedah Pengiraan, Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mohd Noor Daud & Halim Ismail. 2017. Agihan Zakat Terhadap Asnaf Al-Gharimin Menurut Pandangan Ulama dan Amalan Masa Kini. *Jurnal Perspektif*. Special Issue 1, 1-12.
- Mohd Parid Shaikh Ahmad. 2001. *Kaedah Pengagihan Dana Zakat: Satu Perspektif Islam* (edited by Nik Mustapha Nik Hassan). Pusat Pungutan Zakat, Kuala Lumpur.
- Nur Aliah Mohd Sukeri, Zulaikha Mohd Hanafiah & Hairunnizam Wahid. 2017. Persepsi Asnaf Zakat Al-Gharimin (Perubatan) terhadap kaedah agihan zakat oleh Lembaga Zakat Selangor: Kajian di Gombak, Selangor. *Jurnal Muamalat*, Bil. 10, 146-168.
- Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan. 2017. *Laporan Tahunan Zakat*. Kuala Lumpur: PPZ Wilayah Persekutuan.
- Raziah Md Tahir & Syarifah Md Yusof. 2014. Status Individu Muflis dalam Asnaf Al-Gharimin, *International Journal of Business and Technopreneurship*, 4(3), 477-494.
- Yusuf al-Qaradawi. 2002. *Hukum Zakat* (Salman Harun, Didin Hafidhuddin & Hasanuddin, Pentj.). Bogor, Indonesia: Pustaka Litera AntarNusa.